



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepc.com



**PENELITIAN AWAL ASPEK KEFAHAMAN MAHASISWA
TERHADAP KURSUS FALSAFAH DAN ISU SEMASA (FIS):
TINJAUAN DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)**

*PRELIMINARY EXAMINATION OF UNDERGRADUATES' UNDERSTANDING OF
THE PHILOSOPHY AND CONTEMPORARY ISSUES COURSE (FIS):
OBSERVATIONS FROM UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)*

Habibah @ Artini Ramlie^{1*}, Syamsul Azizul Marinsah^{2*}, Saifulazry Mokhtar^{3*}, Mohd. Sohaimi Esa⁴, Mohd Kamal Mohd Shah⁵, Norshahrul Marzuki Mohd Nor⁶, Khairul Ghufran Kaspin⁷

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: habibah_artini@ums.edu.my

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: syamsulazizul@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: msohaimi@ums.edu.my

⁵ Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaysia Sabah
Email: mkamalms@ums.edu.my

⁶ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: norshahrul@fsk.upsi.edu.my

⁷ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: ghufran@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.03.2021

Revised date: 15.04.2021

Accepted date: 15.05.2021

Published date: 31.05.2021

Abstrak:

Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) diperkenalkan kepada mahasiswa di institusi pengajian tinggi (IPT) bermula sesi kemasukan September 2019. Pengenalan kursus ini merupakan inisiatif mantan Menteri Pendidikan Malaysia, YB Dr Maszlee Malik bagi melahirkan mahasiswa yang mampu berfikir secara kritis dan rasional, berhujah secara analitik dan sistematis di samping bertindak dengan lebih berhikmah dan berhemah dalam berhadapan dengan pelbagai cabaran ideologi kontemporari. Kursus ini diwajibkan ke atas semua mahasiswa institusi

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions

To cite this document:

Ramlie, H., Marinsah, S. A., Mokhtar, S., Esa, M. S., Shah, M. K. M., Mohd Nor, N. M., & Kaspin, K. G. (2021). Penelitian Awal Aspek Kefahaman Mahasiswa Terhadap Kursus Falsafah Dan Isu Semasa (FIS): Tinjauan Di Universiti Malaysia Sabah (UMS). International Journal of Education, Psychology and Counseling, 6 (39), 150-165.

DOI: 10.35631/IJEPC.6390010

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



pengajian tinggi (IPT) termasuklah di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Pada pandangan umum, falsafah merupakan satu kursus yang sukar untuk difahami. Memandangkan Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) adalah satu kursus baharu, kajian ini dilihat relevan untuk dilaksanakan bagi mengkaji pemahaman mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) terhadap Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) yang wajib diikuti oleh mahasiswa bermula sesi kemasukan tahun 2020/2021. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dan aspek kefahaman mahasiswa UMS terhadap kursus ini dianalisis secara deskriptif berpandukan instrumen soal selidik secara atas talian. Dapatkan kajian menunjukkan aspek kefahaman mahasiswa UMS terhadap Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) adalah tinggi dan memberangsangkan. Ini membuktikan tanggapan bahawa kursus berkaitan falsafah adalah kursus yang susah dan tidak menarik perhatian mahasiswa adalah kurang tepat dan boleh diperhalusi demi memastikan kursus ini terus berperanan sebagai salah satu medium untuk membentuk budaya pemikiran baru di kalangan mahasiswa.

Kata Kunci:

Kefahaman mahasiswa, Falsafah dan Isu Semasa, Universiti Malaysia Sabah

Abstract:

The Philosophy and Contemporary Issues (FIS) course was introduced for undergraduate level study in Higher Education Institutions (HEIs) starting from the September 2019 intake. An initiative of Dr. Maszlee Malik, the Minister of Education Malaysia during that period, the course is aimed at creating a generation of scholars capable of critical and rational thought, able to engage in analytical and systematic discourse, and guided by wisdom and prudence when faced with diverse contemporary ideology challenges. This course is compulsory for all HEI students including those in Universiti Malaysia Sabah (UMS). Philosophy in general is perceived as a difficult subject to comprehend. Since FIS is a new course, this study is relevant to examine students' understanding of the subject matter as taught in UMS specifically those in the 2020/2021 intake. Utilising a quantitative approach, the aspect of student understanding in FIS was analysed in a descriptive manner based on online questionnaire instruments. Findings showed UMS undergraduates had a relatively high and encouraging level of understanding in FIS. This proves that the notion of courses related to philosophy being difficult and uninteresting was not wholly accurate. The FIS course could be fine-tuned to ensure it is able to continue its role as a medium for the inculcation of new thought culture among undergraduates.

Keywords:

Undergraduate understanding; Philosophy and Contemporary Issues; University Malaysia Sabah

Pengenalan

Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) diperkenalkan bermula tahun 2019 berpandukan ketetapan Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil.14/2019 pada 12 Jun 2019 yang memutuskan agar kursus ini dijadikan kursus wajib universiti (*Pengemaskinian Struktur*)

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions Kursus MPU, 2019. Kursus ini ditawarkan dengan matlamat melahirkan mahasiswa yang berupaya untuk berfikir secara kritikal dan rasional, berhujah secara analitik dan sistematik di samping mampu bertindak secara berhikmah dan berhemah dalam mendepani kepelbagaian cabaran ideologi masa kini. Para mahasiswa perlu belajar falsafah bukan semata-mata demi falsafah itu sendiri tetapi mempelajari aspek falsafah agar lebih memahami keluasan skop falsafah dalam konteks isu semasa. Hal ini kerana falsafah adalah suatu bidang untuk menjawab persoalan-persoalan mencabar dalam aspek falsafah berlandaskan hikmah. Bahkan makna falsafah itu adalah cintakan hikmah dan aspek kesejahteraan juga adalah berlandaskan hikmah (Amran, 2019)¹.

Kajian Literatur

Kandungan Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS)

Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) diletakkan di atas landasan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Rukun Negara (RN) dengan penetapan perkataan 'sejahtera' yang jelas dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sebagai kata kunci utama (Amran, 2019). Pengenalan kursus ini selari dengan hala tuju sistem pendidikan negara iaitu pendidikan berasaskan nilai seiring matlamat kerajaan untuk memastikan para mahasiswa mempunyai aras pemikiran tinggi dan berperibadi mulia (Luqman Arif, 2019). Pendekatan Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) merangkumi tiga perkara iaitu A) Kontekstualisasi Falsafah, B) Analisis Falsafah dan C) Aplikasi Falsafah Mendepani Isu Semasa. Pendekatan A) Kontekstualisasi Falsafah merangkumi topik berikut iaitu i) Kuliah 1: Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan ii) Kuliah 2: Peranan dan Pembahagian Falsafah dalam Kehidupan. Pendekatan B) Analisis Falsafah mencakupi topik-topik berikut i) Kuliah 3: Logik dan Metodologi, ii) Kuliah 4: Psikologi dan Sosiologi, iii) Kuliah 5: Metafizik dan iv) Kuliah 6: Epistemologi. Manakala pendekatan C) Aplikasi Falsafah Mendepani Isu Semasa membincangkan dua topik disenaraikan seperti berikut i) Kuliah 7: Ideologi Relativisme Pascamoden dan ii) Kuliah 8: Dekolonisasi Dualisme (Amran, 2019).

Pendekatan A) Kontekstualisasi Falsafah, B) Analisis Falsafah dan C) Aplikasi Falsafah Mendepani Isu Semasa yang dirumuskan sebagai 'Pendekatan Analitik Falsafah' menjadi kerangka dan naratif dalam Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS). Matlamatnya adalah menjadikan ilmu falsafah sebagai disiplin ilmu yang relevan dan berkesan ke arah perubahan dan peningkatan pemikiran masyarakat dalam pelbagai dimensi kehidupan. 'Pendekatan Analitik Falsafah' ini diyakini berupaya membina daya saing pemikiran dalam menghadapi kemelut dan cabaran pemikiran semasa berbanding dengan 'Pendekatan Dogmatik Falsafah' yang sekadar menumpukan kepada sejarah aliran-aliran pemikiran atau pemikiran tokoh-tokoh tertentu dalam pengajaran falsafah semata-mata (Amran, 2019).

Di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) diwajibkan kepada semua mahasiswa tahun pertama. Ia ditawarkan secara bersilang di antara mahasiswa fakulti aliran sains dan mahasiswa fakulti aliran sains sosial mengikut semester. Jika mahasiswa fakulti aliran sains mendaftar kursus ini pada semester 1 sesi pengajian tahun

¹ Prof Madya Dr. Amran Muhammad adalah Ketua Penyelaras Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Video dan Modul Pengajaran serta Pelaksanaan Training of Trainers (TOT), Kursus Falsafah dan Isu Semasa, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions semasa, mahasiswa fakulti aliran sains sosial akan mendaftar Kursus Peradaban dan Isu Semasa (PEDP) yang merupakan satu lagi kursus wajib universiti. Untuk semester berikutnya, mahasiswa fakulti aliran sains sosial akan mengikuti Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) manakala mahasiswa fakulti aliran sains akan mendaftar Kursus Peradaban dan Isu Semasa (PEDP). Penetapan ini adalah untuk melancarkan pengurusan akademik. Secara ringkasnya, pendekatan dan struktur kandungan kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Pendekatan dan Struktur Kandungan Kursus

Pendekatan Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS)

Pendekatan Analitik Falsafah

A) Kontekstualisasi Falsafah	B) Analisis Falsafah	C) Aplikasi Falsafah Mendepani Isu Semasa
i) Kuliah 1: Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)	i) Kuliah 3: Logik dan Metodologi	i) Kuliah 7: Ideologi Relativisme Pascamoden
ii) Kuliah 2: Peranan dan Pembahagian Falsafah dalam Kehidupan	ii) Kuliah 4: Psikologi dan Sosiologi	ii) Kuliah 8: Dekolonisasi Dualisme
	iii) Kuliah 5: Metafizik	
	iv) Kuliah 6: Epistemologi	

Sumber: Amran Muhammad (2019)

Kandungan setiap kuliah mempunyai pendekatannya yang tersendiri sebagaimana yang dirumuskan berikut:

Kandungan Kuliah 1: Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menjelaskan konsep-konsep asas mengenai falsafah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Rukun Negara (RN) dan hubungan antara setiap satunya dalam kerangka falsafah. Tujuannya adalah agar mahasiswa mampu menjelaskan definisi, konsep, tujuan dan sejarah perkembangan ilmu falsafah, menjelaskan peranan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sebagai wahana persediaan rakyat Malaysia mendepani cabaran global abad ke-21, menghuraikan kedudukan dan peranan Rukun Negara sebagai tonggak negara pada tahap ‘makro’ yang didirikan atas dasar Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang bersifat ‘mikro’ serta menganalisis hubungan antara Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Rukun Negara (RN) dalam Wawasan Falsafah Sejahtera berpandukan pendekatan falsafah (Noor Hisham, 2020).

Kandungan Kuliah 2: Peranan dan Pembahagian Falsafah dalam Kehidupan menjelaskan cabang-cabang ilmu falsafah iaitu falsafah teoritikal dan falsafah praktikal. Bab kuliah ini juga menyentuh tentang kemunculan falsafah-falsafah baharu. Gambaran jelas kesinambungan kuliah awal dengan bab ini adalah kronologi perbincangannya dari Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Rukun Negara (RN) yang disusuli dengan falsafah sejahtera serta kepelbagaian cabang falsafah dalam kehidupan. Hasil pembelajaran kuliah ini antara lain adalah untuk membolehkan mahasiswa menjelaskan perkembangan ilmu falsafah serta pembahagiannya, menghuraikan cabang-cabang utama falsafah serta menganalisis

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
perkembangan dan kemunculan falsafah terbaru dalam dunia falsafah moden (Asma Lailee & Nur Azuki, 2020).

Kandungan Kuliah 3: Logik dan Metodologi memfokuskan kepada perbincangan tentang peranan serta kedudukan ilmu logik dalam bidang falsafah. Ilmu logik bertujuan untuk menjelaskan kaedah berfikir yang benar dan sah bagi mengelakkan seseorang terperangkap dengan cara berfikir yang salah serta mengelirukan atau melakukan falasi dalam berfikir. Tumpuan dalam kuliah ini adalah dua kaedah utama berfikir iaitu kaedah induktif dan deduktif (Mohd Kamil & Nurul Iman, 2020a). Kaedah induktif adalah kaedah berfikir melibatkan penaakulan daripada perkara khusus kepada kesimpulan atau rumusan umum atau daripada soal yang konkrit kepada perkara abstrak, manakala kaedah deduktif adalah kaedah berfikir daripada rumusan umum kepada kesimpulan khusus atau daripada soal abstrak kepada perkara yang konkrit (Abdul Rahman, 2005). Kaedah-kaedah lain yang berkaitan juga dibincangkan secara ringkas. Tujuannya adalah agar mahasiswa dapat menjelaskan peranan dan hubungan ilmu logik dengan ilmu falsafah, menghuraikan perkembangan, kegunaan serta perbezaan dua pendekatan utama dalam ilmu logik iaitu kaedah induktif dan deduktif, menghuraikan kepelbagaiannya metodologi yang memperkayakan perkembangan ilmu-ilmu yang lebih kompleks serta menganalisis metodologi penghasilan dan penjanaan ilmu-ilmu baharu (Mohd Kamil et al., 2020a).

Kandungan Kuliah 4: Psikologi dan Sosiologi berkisar tentang perbincangan konsep manusia menurut perspektif falsafah, agama dan sains. Sepanjang sejarah peradaban dan ketamadunan manusia, muncul pelbagai aliran pemikiran serta kepercayaan terhadap konsep manusia hasil dari kerangka pemikiran tokoh-tokoh tertentu yang mempelopori aliran pemikiran berkaitan konsep kemanusiaan pada zamannya. Hasil pembelajaran yang diharapkan menerusi kuliah ini adalah agar mahasiswa mempu menjelaskan kepelbagaiannya konsep manusia menurut perspektif aliran pemikiran falsafah dan keagamaan tersebut serta memahami konsep-konsep utama yang mencirikan keinsanan di samping menghuraikan asal-usul kejadian, sifat fitrah semulajadi dan peranan manusia. Matlamatnya adalah untuk membentuk pandangan alam (*world view*) yang bersifat holistik dengan sistem pendidikan negara serta menghubungkaitkan konsep manusia mengikut pemahaman yang jelas dengan konsep pembentukan insan seimbang dan harmonis serta kepercayaan kepada Tuhan. Topik ini penting kerana pemahaman yang jelas tentang konsep manusia akan membawa pemahaman kepada makna kehidupan itu sendiri (Nik Yusri & Azman, 2020a).

Kandungan Kuliah 5: Metafizik membincangkan tentang hubungan antara insan dan pencipta yang bersifat vertikal serta hubungan antara insan dengan insan lain serta alam sekeliling yang bersifat horizontal. Turut dibincangkan adalah teori-teori metafizik serta sistem-sistem metafizik yang berlebar dalam kehidupan insan. Hasil pembelajaran topik ini adalah agar mahasiswa dapat menjelaskan hubungan antara insan dengan Tuhan dalam konteks teologi, kepercayaan dan akidah kerohanian, menghuraikan hubungan antara insan dengan insan lain dan alam semesta dalam konteks fahaman kosmologi silam dan ekologi semasa, menghuraikan teori-teori dan sistem-sistem berkaitan metafizik serta menganalisis formulasi pembentukan metafizik yang lebih meluas kegunaannya dalam perkembangan sains, teknologi dan inovasi nasional (Nik Yusri & Azman, 2020b).

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Kandungan Kuliah 6: Epistemologi berkisar tentang kupasan berhubung aspek epistemologi. Epistemologi adalah perbincangan tentang sumber ilmu pengetahuan (Abdul Rahman, 2005). Dalam kuliah ini, peranan epistemologi sebagai pemacu perkembangan serta penjanaan ilmu pengetahuan baru, kesan perkembangan revolusi sains terhadap epistemologi, prinsip kebenaran ilmu, teori-teori kebenaran serta sintesis perkembangan ilmu pengetahuan semasa akan dianalisis (Mohd Kamil & Nurul Iman, 2020b). Persoalan epistemologi yang membawa kepada pemahaman terhadap kebenaran yang hakiki perlu difahami dengan jelas kerana tujuan utama falsafah itu sendiri adalah untuk mencari kebenaran atau hikmah (Basri, 2018). Hal ini kerana ilmu pengetahuan bukan sekadar alat, malah ia juga adalah matlamat manusia untuk memahami realiti di sekelilingnya (Mohd Kamil et al., 2020b). Epistemologi juga begitu berkaitrapat dengan aspek metafizik untuk menghasilkan satu kerangka falsafah pendidikan dalam usaha membentuk kemenjadian insan (Asmawati & Fathiyah, 2012).

Kandungan Kuliah 7: Ideologi Relativisme Pascamoden mengupas berkaitan sejarah perkembangan konsep modenisme dan pascamodenisme yang telah melahirkan ideologi pemikiran relativisme pascamoden. Kuliah topik ini juga akan membincangkan ciri-ciri pemikiran relativisme pascamoden, sebarannya pada era globalisasi, implikasi dan cabaran pemikiran relativisme pascamoden serta penyelesaian yang ditawarkan oleh agama dan tradisi keilmuan untuk menghadapinya dengan berkesan. Apa yang diharapkan menerusi kuliah ini adalah para mahasiswa dapat menjelaskan cabaran pemikiran relativisme pascamoden sebagai satu reaksi kegagalan aspek modeniti, menjelaskan perkembangan fenomena serta manifestasi pemikiran relativisme pascamoden, menghuraikan implikasi pemikiran relativisme pascamoden yang menafikan kebenaran dan hakikat dalam kehidupan serta mencerakinkan jawapan agama dan tradisi keilmuan terhadap cabaran pemikiran relativisme pascamoden dalam dunia kontemporari dan pemikiran semasa (Marwan, 2020).

Kuliah 8: Dekolonisasi Dualisme adalah topik atau bab terakhir dalam Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS). Perbincangan kuliah ini adalah tentang definisi dan konsep dekolonisasi, sejarah kemunculan, faktor perkembangan dan impak dekolonisasi dalam pelbagai bidang kehidupan manusia. Menerusi topik ini, para mahasiswa diharap mampu menghubungkaitkan aspek dekolonisasi dengan pengajian khususnya bidang pengkhususan masing-masing (Burhan, 2020).

Sebagai rumusan, kandungan kursus ini adalah bersifat menyeluruh yang menyentuh tentang pendekatan penting dalam pemahaman bidang falsafah iaitu konteksualisasi falsafah, analisis falsafah dan aplikasi falsafah. Silibus kursus ini dilihat penting bukan setakat dalam memberi panduan kepada mahasiswa untuk menyelesaikan aktiviti tugas yang diberikan, malah secara tidak langsung ia dapat membantu mahasiswa mengaplikasikan ilmu falsafah yang dipelajari dalam kehidupan sehari-hari mereka (Latifah, Ros Aiza & Abd Hakim, 2020).

Kefahaman Mahasiswa Terhadap Kursus-kursus di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Terdapat beberapa kajian mengenai kefahaman mahasiswa terhadap kursus-kursus yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi (IPT). Antaranya adalah kajian yang dijalankan oleh Suhaila, Ahmad Faiz, Muhammad Noor dan Mukhamad Khafiz (2020) tentang kefahaman dan penghayatan mahasiswa terhadap kursus Hubungan Etnik (HE). Kursus Hubungan Etnik (HE) adalah kursus wajib universiti yang ditawarkan kepada mahasiswa peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Teknologi Mara Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau.

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Kursus ini diperkenalkan di institusi pengajian tinggi (IPT) sejak tahun 2005. Tujuan kursus ini adalah untuk mendedahkan mahasiswa dengan topik-topik asas meliputi pelbagai bidang seperti perlumbagaan, politik, ekonomi, agama dan pendidikan di samping membincangkan perihal hubungan etnik di Malaysia dengan memfokuskan kepada perspektif kesepadan sosial. Kajian mendapati majoriti mahasiswa memahami kandungan kursus Hubungan Etnik (HE), mengetahui objektif-objektif yang perlu dicapai dalam kursus ini serta dapat menghayati isu dan cabaran hubungan etnik di Malaysia menerusi pembelajaran penerokaan dan kajian lapangan.

Zainora, Hayati, Khairul Anuar & Mohd Shamsul Hakim (2018) menjalankan kajian untuk mengkaji tahap kefahaman mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terhadap pengajian Qiraat. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kaedah kuantitatif dengan menggunakan kaedah soal selidik. Sebanyak 201 orang mahasiswa bagi kedua-dua program pengajian iaitu Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah serta Ijazah Sarjana Muda Quran dengan Mutimedia telah menjawab soal selidik yang diedarkan mengikut persampelan *Proportionate Stratified Random Sampling*. Dapatkan hasil kajian menunjukkan tahap kefahaman para mahasiswa dalam pengajian Qiraat berada pada tahap baik, namun masih memerlukan penambahbaikan yang berterusan agar para pelajar mempunyai minat dan kesungguhan yang tinggi dalam bidang pengajian Qiraat di samping meningkatkan tahap penguasaan mahasiswa dalam bidang Qiraat.

Manakala kajian oleh Saini, Noorafini dan Nor Ain (2016) adalah berkaitan kefahaman mahasiswa yang mengambil kursus bahasa Arab di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu terhadap bahasa Arab yang digunakan dalam ibadah solat lima waktu. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui kajian lapangan dengan mengedarkan sebanyak 100 set soal selidik kepada pelajar. Hasil kajian menunjukkan mempelajari bahasa Arab banyak membantu meningkatkan tahap kefahaman mahasiswa dalam ibadah. Hal ini bukan sahaja membantu mahasiswa memahami maksud setiap ayat yang dibaca, tetapi juga sekali gus dapat meningkatkan khusyuk dalam ibadah sehari-hari mereka. Khusus berkaitan Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS), satu kajian analisis dekriptif telah dilakukan oleh Latifah et. al (2020) berhubung penerimaan mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terhadap Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS). Kajian tersebut mendapati kebanyakan mahasiswa USIM yang mengambil Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) pada semester 1, sesi 2019/2020 dapat menerima kursus ini dengan baik dan respon yang diberikan oleh mereka terhadap kursus ini adalah positif.

Objektif

Objektif kajian ini adalah untuk meninjau aspek kefahaman mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) terhadap Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS).

Metodologi

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif melibatkan analisis kandungan modul kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) yang dihasilkan oleh Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBI), Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Justifikasi pemilihan modul berkenaan adalah kerana Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan antara institusi pengajian tinggi (IPT) terawal yang memperkenalkan kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) selepas ia

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions dimuktamadkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2019 (Noor Hisham, 2020). Manakala kaedah kuantitatif adalah berbentuk tinjauan yang dilaksanakan dengan menggunakan borang soal selidik secara atas talian. Borang soal selidik dalam bentuk ‘google form’ telah diedarkan kepada mahasiswa semester satu yang mengambil kursus Falsafah dan Isu Semasa di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada sesi 2020/2021. Sebanyak 385 borang dikembalikan dan dianalisis. Kajian ini dijalankan kerana kursus ini baru dilaksanakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk sesi kemasukan tahun semasa (sesi 2020/2021) bagi menggantikan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) sebagai salah satu kursus wajib universiti yang wajib diambil oleh semua mahasiswa di seluruh Malaysia sejak sesi akademik 1998/1999 (Mohamad Azhari, Siti Norazilah, Surena, Aina Razlin, Edris, Ida Juliana & Zulmahari, 2012).

Dapatan Kajian

Jadual 2: Profil Mahasiswa

Bil	Jantina	Jumlah	Peratus
1	Lelaki	155	40.26%
2	Perempuan	230	59.74%
Jumlah keseluruhan		385	100%

Mahasiswa yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 385 orang yang terdiri dari 155 orang lelaki dan 230 orang perempuan. Mahasiswa yang mengambil kursus ini ketika kajian sedang dijalankan adalah mahasiswa perintis yang perlu mengambil Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) sebagai kursus wajib universiti bermula pada semester 1, sesi kemasukan 2020/2021 (semester pertama kursus ini diperkenalkan).

Analisis Item

Soal selidik mengandungi 24 soalan berkaitan aspek kefahaman serta persepsi umum mahasiswa terhadap kursus Falsafah dan Isu Semasa. Item dalam instrumen diukur dengan menggunakan skala (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Tidak Pasti (4) Setuju, dan (5) Sangat Setuju.

Jadual 3: Analisis Item

Bil	Pernyataan	Skala						
		SS	S	TP	TS	STS	Min	
1	Saya memahami kedudukan dan peranan Rukun Negara sebagai paksi negara.	201	169	4	2	9	4.43	
2	Saya memahami dasar Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan hubungannya dengan Rukun Negara dalam wawasan falsafah sejahtera.	174	191	8	4	8	4.35	
3	Saya mengetahui perkembangan disiplin ilmu falsafah.	164	191	18	5	7	4.30	
4	Saya boleh menjelaskan cabang-cabang utama ilmu falsafah.	132	200	38	8	7	4.15	
5	Saya menyedari kemunculan aliran-aliran terbaru dalam dunia falsafah.	158	177	37	7	6	4.23	
6	Saya memahami peranan dan hubungan ilmu	181	184	8	5	7	4.37	

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
logik dengan ilmu falsafah.

7	Saya boleh menghuraikan pendekatan-pendekatan utama dalam ilmu logik.	112	210	52	5	6	4.08
8	Saya memahami tentang adanya falasi dalam berfikir.	191	164	18	5	7	4.37
9	Saya mengetahui kepentingan perbahasan tentang falasi dalam menilai sesuatu penghujahan dan cara berfikir.	165	185	23	5	7	4.29
10	Saya memahami konsep manusia menurut perspektif aliran pemikiran falsafah dan keagamaan.	166	191	16	4	8	4.31
11	Saya menyedari hubungkait antara konsep manusia dengan pembentukan insan yang seimbang.	164	199	10	6	6	4.32
12	Saya boleh menjelaskan tentang aspek metafizik.	133	197	39	10	6	4.15
13	Saya memahami peranan epistemologi sebagai pemacu perkembangan serta penjana ilmu pengetahuan baharu.	130	206	35	8	6	4.16
14	Saya boleh menghuraikan tentang prinsip kebenaran ilmu serta teori-teori utama kebenaran.	117	202	54	7	5	4.09
15	Saya mengetahui adanya cabaran ideologi relativisme pasca moden dalam dunia masa kini.	128	211	37	3	6	4.17
16	Saya mampu menganalisis jawapan agama dan tradisi terhadap cabaran ideologi relativisme pasca moden dalam dunia masa kini.	107	211	53	10	4	4.06
17	Saya memahami konsep dan sejarah kemunculan serta perkembangan dekolonisasi.	128	216	27	9	5	4.18
18	Saya mengetahui impak dekolonisasi dalam pelbagai bidang kehidupan.	139	206	27	8	5	4.21
19	Saya boleh mengutarakan isu-isu semasa yang berlaku dalam dan luar negara.	118	216	37	9	5	4.12
20	Saya boleh menjelaskan hubungan antara isu-isu semasa tersebut dengan aliran pemikiran tertentu yang melatari setiap isu berkenaan.	115	224	36	5	5	4.14
21	Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) membolehkan mahasiswa untuk berfikir secara kritikal dan rasional.	247	123	5	1	9	4.55
22	Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) membolehkan mahasiswa untuk berhujah secara analitik dan sistematik.	231	130	14	2	8	4.49
23	Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) membolehkan mahasiswa untuk bertindak dengan lebih berhikmah dan bijaksana.	236	130	9	1	9	4.51

24 Kursus Falsafah dan Isu Semasa 214 145 16 1 9 4.44
membolehkan mahasiswa untuk mengekalkan jatidiri dalam menghadapi gerakan ideologi pascamoden.

Jadual 3 menunjukkan 201 mahasiswa sangat setuju dengan pernyataan ‘Saya memahami kedudukan dan peranan Rukun Negara sebagai paksi negara’, 169 mahasiswa setuju dengan pernyataan ini, 4 mahasiswa tidak pasti, 2 mahasiswa tidak setuju dan 9 mahasiswa sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Bagi pernyataan ‘Saya memahami dasar Faslaiah Pendidikan Kebangsaan dan hubungannya dengan Rukun Negara dalam wawasan falsafah sejahtera’, seramai 174 mahasiswa sangat setuju dengan pernyataan ini, 191 mahasiswa setuju, 8 mahasiswa tidak pasti, 4 mahasiswa tidak setuju dan 8 mahasiswa sangat tidak setuju.

Bagi pernyataan ‘Saya mengetahui perkembangan disiplin ilmu falsafah’, seramai 164 mahasiswa sangat setuju dengan pernyataan ini, 191 mahasiswa setuju, 18 mahasiswa tidak pasti, 5 mahasiswa tidak setuju dan 7 mahasiswa sangat tidak setuju. Manakala bagi pernyataan ‘Saya boleh menjelaskan cabang-cabang utama ilmu falsafah’, seramai 132 mahasiswa sangat setuju dengan pernyataan ini, 200 mahasiswa setuju, 38 mahasiswa tidak pasti, 8 mahasiswa tidak setuju dan 7 mahasiswa sangat tidak setuju.

Seterusnya bagi pernyataan ‘Saya menyedari kemunculan aliran-aliran terbaru dalam dunia falsafah’, 158 mahasiswa sangat setuju, 177 mahasiswa setuju, 37 mahasiswa tidak pasti, 7 mahasiswa tidak setuju dan 6 mahasiswa sangat tidak setuju. Bagi pernyataan ‘Saya memahami peranan dan hubungan ilmu logik dengan ilmu falsafah’, seramai 181 mahasiswa sangat setuju, 184 mahasiswa setuju, 8 mahasiswa tidak pasti, 5 mahasiswa tidak setuju dan 7 mahasiswa sangat tidak setuju. Ini diikuti dengan pernyataan ‘Saya boleh menghuraikan pendekatan-pendekatan utama dalam ilmu logik’, seramai 112 mahasiswa sangat setuju, 210 mahasiswa setuju, 52 mahasiswa tidak pasti, 5 mahasiswa tidak setuju dan 6 mahasiswa sangat tidak setuju. Bagi pernyataan ‘Saya memahami tentang adanya falasi dalam berfikir’, seramai 191 mahasiswa sangat setuju, 164 mahasiswa setuju, 18 mahasiswa tidak pasti, 5 mahasiswa tidak setuju dan 7 mahasiswa sangat tidak setuju.

Bagi pernyataan ‘Saya mengetahui kepentingan perbahasan tentang falasi dalam menilai sesuatu penghujahan dan cara berfikir’, seramai 165 mahasiswa sangat setuju, 185 mahasiswa setuju, 23 mahasiswa tidak pasti, 5 mahasiswa tidak setuju dan 7 mahasiswa sangat tidak setuju. Bagi pernyataan ‘Saya memahami konsep manusia menurut perspektif aliran pemikiran falsafah dan keagamaan’, seramai 166 mahasiswa sangat setuju, 191 mahasiswa setuju, 16 mahasiswa tidak pasti, 4 mahasiswa tidak setuju dan 8 mahasiswa sangat tidak setuju. Ini diikuti dengan pernyataan ‘Saya menyedari hubungkait antara konsep manusia dengan pembentukan insan yang seimbang’, seramai 164 mahasiswa sangat setuju, 199 mahasiswa setuju, 10 mahasiswa tidak pasti, 6 mahasiswa tidak setuju dan 6 mahasiswa sangat tidak setuju.

Seterusnya bagi pernyataan ‘Saya boleh menjelaskan tentang aspek metafizik’, seramai 133 mahasiswa sangat setuju, 197 mahasiswa setuju, 39 mahasiswa tidak pasti, 10 mahasiswa tidak setuju dan 6 mahasiswa sangat tidak setuju. Bagi pernyataan ‘Saya memahami peranan epistemologi sebagai pemacu perkembangan serta penjana ilmu pengetahuan baharu’,

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions seramai 130 mahasiswa sangat setuju, 206 mahasiswa setuju, 35 mahasiswa tidak pasti, 8 mahasiswa tidak setuju dan 6 mahasiswa sangat tidak setuju. Ini disusuli dengan pernyataan ‘Saya boleh menghuraikan tentang prinsip kebenaran ilmu serta teori-teori utama kebenaran’, seramai 117 mahasiswa sangat setuju dengan pernyataan ini, 202 mahasiswa setuju, 54 mahasiswa tidak pasti, 7 mahasiswa tidak setuju dan 5 mahasiswa sangat tidak setuju. Bagi pernyataan ‘Saya mengetahui adanya cabaran ideologi relativisme pasca moden dalam dunia masa kini’, seramai 128 mahasiswa sangat setuju, 211 mahasiswa setuju, 37 mahasiswa tidak pasti, 3 mahasiswa tidak setuju dan 6 mahasiswa sangat tidak setuju dengan pernyataan ini.

Pernyataan seterusnya adalah ‘Saya mampu menganalisis jawapan agama dan tradisi terhadap cabaran ideologi relativisme pasca moden dalam dunia masa kini’, seramai 107 mahasiswa sangat setuju dengan pernyataan ini, 211 mahasiswa setuju, 53 mahasiswa tidak pasti, 10 mahasiswa tidak setuju dan 4 mahasiswa sangat tidak setuju. Bagi pernyataan ‘Saya memahami konsep dan sejarah kemunculan serta perkembangan dekolonialisasi’, seramai 128 mahasiswa sangat setuju, 216 mahasiswa setuju, 27 mahasiswa tidak pasti, 9 mahasiswa tidak setuju dan 5 mahasiswa sangat tidak setuju. Ini diikuti dengan pernyataan ‘Saya mengetahui impak dekolonialisasi dalam pelbagai bidang kehidupan’, seramai 139 mahasiswa sangat setuju, 206 mahasiswa setuju, 27 mahasiswa tidak pasti, 8 mahasiswa tidak setuju dan 5 mahasiswa sangat tidak setuju. Bagi pernyataan ‘Saya boleh mengutarakan isu-isu semasa yang berlaku dalam dan luar negara’, seramai 118 mahasiswa sangat setuju, 216 mahasiswa setuju, 37 mahasiswa tidak pasti, 9 mahasiswa tidak setuju dan 5 mahasiswa sangat tidak setuju.

Bagi pernyataan ‘Saya boleh menjelaskan hubungan antara isu-isu semasa tersebut dengan aliran pemikiran tertentu yang melatari setiap isu berkenaan’, seramai 115 mahasiswa sangat setuju dengan pernyataan ini, 224 mahasiswa setuju, 36 mahasiswa tidak pasti, 5 mahasiswa tidak setuju dan 5 mahasiswa sangat tidak setuju. Manakala bagi pernyataan ‘Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) membolehkan mahasiswa untuk berfikir secara kritikal dan rasional’, seramai 247 mahasiswa sangat setuju, 123 mahasiswa setuju, 5 mahasiswa tidak pasti, seorang mahasiswa tidak setuju dan 9 mahasiswa sangat tidak setuju. Ini diikuti dengan pernyataan ‘Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) membolehkan mahasiswa untuk berhujah secara analitik dan sistematik’, seramai 231 mahasiswa sangat setuju, 130 mahasiswa setuju, 14 mahasiswa tidak pasti, 2 mahasiswa tidak setuju dan 8 mahasiswa sangat tidak setuju. Bagi pernyataan ‘Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) membolehkan mahasiswa untuk bertindak dengan lebih berhikmah dan bijaksana,’ seramai 236 mahasiswa sangat setuju, 130 mahasiswa setuju, 9 mahasiswa tidak pasti, seorang mahasiswa tidak setuju dan 9 mahasiswa sangat tidak setuju. Untuk pernyataan terakhir iaitu ‘Kursus Falsafah dan Isu Semasa membolehkan mahasiswa untuk mengekalkan jatidiri dalam menghadapi gerakan ideologi pascamoden,’ seramai 214 mahasiswa sangat setuju, 145 mahasiswa setuju, 16 mahasiswa tidak pasti, seorang mahasiswa tidak setuju dan 9 mahasiswa sangat tidak setuju.

Perbincangan Dapatan Kajian

Kajian mendapati kebanyakan mahasiswa yang mengikuti kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) pada semester permulaan kursus ini ditawarkan dapat memahaminya dengan baik. Ini terbukti menerusi respon yang diberikan oleh mereka terhadap kursus ini yang menunjukkan maklumbalas positif. Secara keseluruhannya, skor min data yang diperolehi adalah antara 4.06 ke 4.55 bagi semua item. Min tertinggi ialah bagi item ke-21 iaitu ‘Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) membolehkan mahasiswa untuk berfikir secara kritikal dan rasional’.

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Jumlah mahasiswa yang menjawab sangat setuju adalah sangat tinggi iaitu 247 orang dengan skor min 4.55. Ini menunjukkan kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) sangat relevan untuk dipelajari kerana ia menggalakkan serta membuka ruang kepada mahasiswa untuk berfikir secara kritikal dan rasional menerusi topik-topik yang dibincangkan dalam kursus ini. Manakala skor min terendah adalah bagi item ke-16 iaitu ‘Saya mampu menganalisis jawapan agama dan tradisi terhadap cabaran ideologi relativisme pasca moden dalam dunia masa kini’ dengan min 4.06. Hanya seramai 106 mahasiswa sangat setuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan para pensyarah perlu memberikan penekanan yang lebih terhadap kupasan topik ini agar para mahasiswa boleh mengaitkan cabaran ideologi relativisme pasca moden dunia semasa dengan aspek keagamaan dan nilai tradisi secara lebih berkesan berpandukan pemikiran bersifat logik dan rasioal. Apa yang penting adalah selain daripada mempelajari cara berfikir secara logik, para mahasiswa dapat mengaplikasikan kemahiran berfikir tersebut dalam menangkis cabaran ideologi kini yang bertentangan dengan nilai kehidupan sejagat.

Dapatan kajian yang menunjukkan aspek kefahaman yang tinggi para mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) terhadap kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) membuktikan tanggapan bahawa kursus berkaitan falsafah adalah kursus yang sukar, mencabar dan tidak menarik perhatian mahasiswa agak kurang tepat. Justeru penambahbaikan boleh dilakukan oleh para pensyarah dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran bagi menghasilkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif dan interaktif. Hal ini kerana sejak mula diperkenalkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS), kursus ini dilaksanakan secara atas talian akibat kekangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ia sedikit sebanyak memberikan cabaran kepada pensyarah dalam menyampaikan pengajaran bersifat ‘analisis pemikiran’ dalam ruang yang bersifat maya.

Pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengatasi masalah ini dengan mencadangkan pelaksanaan kaedah pengajaran secara interaktif menggunakan pelbagai pendekatan seperti E-Learning sama ada pembelajaran dalam talian secara bersemuka (*Synchronous Learning*) ataupun secara tidak bersemuka (*Asynchronous Learning*). E-Learning adalah salah satu instrumen teknologi pembelajaran yang dapat mengembangkan sistem pendidikan secara meluas tanpa dibatasi ruang dan masa. Pembelajaran interaktif e-Learning membantu dalam membentuk pembangunan kognitif individu seterusnya mengaplikasikannya dalam kemahiran berfikir aras tinggi. Kaedah interaktif dalam pelaksanaan E-Learning antaranya boleh dilaksanakan menerusi saluran WhatsApp dan Telegram. Dapatan kajian Syed Lamsah dan Muhamad Yusoff (2020) menunjukkan intervensi di saluran WhatsApp dan Telegram berjaya meningkatkan penyertaan mahasiswa dalam memperolehi bahan pembelajaran berbentuk media digital. Ia meningkatkan keupayaan proses pengajaran dan pembelajaran dengan adanya koordinasi pengajaran antara kalangan pensyarah selain dari perkongsian bahan pengajaran dan kaedah penilaian yang membantu mahasiswa menguasai hasil pembelajaran kursus. Ia juga dapat mengoptimumkan sumber pengajaran, mengelakkan pengajaran bertindih selain memperluas skop pembelajaran yang terhasil daripada koordinasi maklumat antara pensyarah-pensyarah.

Suasana pembelajaran bersifat interaktif juga penting untuk dilakukan kerana hasil kajian Nur Fadilah, Maimun Aqsha Lubis, Harun & Nurul Akhma (2015) mendapati penekanan kemahiran berfikir aras tinggi dapat diperaktikkan melalui pembelajaran interaktif. Ini selari

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions dengan keperluan kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) yang memfokuskan kemahiran berfikir secara kritis dalam proses memahami sesuatu idea secara mendalam. Pelaksanaan kaedah interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga melibatkan usaha dan inisiatif untuk mendapatkan sesuatu maklumat berkaitan bahan-bahan pembelajaran. Secara tidak langsung mahasiswa akan mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dengan membuat pembacaan yang banyak. Justeru kemahiran berfikir boleh diterapkan oleh mahasiswa menerusi usaha memahami setiap bahan pembelajaran yang mengandungi soalan-soalan aras tinggi, aktiviti-aktiviti dalam E-Learning yang menggalakkan pemikiran dan penyelesaian masalah serta kaedah-kaedah pembelajaran yang boleh mendorong kearah meningkatkan kemahiran berfikir.

Aplikasi pendekatan pengajaran interaktif khususnya dalam Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dijangka tidak mendatangkan kesulitan yang besar kepada mahasiswa kerana kajian Nor Aidawati dan Mazidah (2021) menunjukkan para mahasiswa telah bersedia untuk mengadaptasi pembelajaran secara norma baru walaupun masih berada pada tahap sederhana. Ia adalah satu permulaan dan indikator yang baik dengan adanya kemudahan telefon pintar yang mampu dimiliki boleh dikatakan oleh setiap mahasiswa walaupun kadangkala terkekang dengan masalah capaian internet. Apa yang penting adalah para pensyarah perlu mengimbangi kekurangan kehadiran fizikal dalam kuliah secara maya dengan memastikan persekitaran yang kondusif agar semua mahasiswa merasa selesa untuk mengambil bahagian dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan pelajar boleh mengakses pensyarah mereka di mana sahaja (Nor Aidawati & Mazidah, 2021). Pada masa yang sama, mahasiswa perlu mempunyai sifat kendiri yang tinggi dalam proses pembelajaran kerana ia secara tidak langsung dapat melahirkan mahasiswa yang lebih celik dalam teknologi dan membentuk mahasiswa yang holistik dalam semua perkara pada masa yang sama (Hazwani, Noor Raudhiah & Norziah, 2017). Pentingnya inovasi pengajaran seperti ini dilakukan kerana hasil kajian Siti Hajar, Mohd. Azharin & Maimun Aqsha Lubis (2019) juga mendapati penggunaan teknologi yang pelbagai mampu membantu pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih mudah dan menyeronokkan. Dalam konteks yang lebih luas, inovasi dalam pendidikan berpandukan perkembangan teknologi digital dalam sesebuah negara mampu menghasilkan perkembangan ketamadunan dan peradaban sesuatu bangsa walaupun ia bukanlah penanda aras kecanggihan peradaban sesuatu kaum.

Hasil kajian turut boleh dijadikan panduan kepada para pensyarah kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk menghasilkan modul khusus berkaitan kursus ini bagi tujuan mengukuhkan lagi kefahaman mahasiswa. Modul yang dihasilkan akan menjadi nilai tambah kandungan kursus bagi menarik minat mahasiswa mempelajari kursus ini di samping memastikan kursus ini terus kompeten sebagai salah satu medium untuk membentuk budaya pemikiran inteligen di kalangan mahasiswa. Ia selaras dengan '*nature*' kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) yang bertujuan untuk membolehkan mahasiswa berfikir secara kritikal dan rasional, berhujah secara analitik dan sistematik, bertindak dengan lebih berhikmah dan bijaksana serta mengekalkan jatidiri dalam menghadapi gerakan ideologi pascamoden. Dalam penghasilan modul ini, aplikasi mudah alih dalam pelaksanaan E-Learning boleh digunakan dan diyakini berpotensi untuk membantu proses menambah baik silibus kursus (Syed Lamsah dan Muhamad Yusoff, 2020) kerana penghasilan modul yang bersifat menarik dan interaktif akan dapat membantu mahasiswa untuk menguasai kandungan kursus dengan lebih berkesan. Ini terbukti menerusi

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
kajian Norhapizah, Ab. Halim dan Norazah (2016) yang menunjukkan mahasiswa bertambah minat serta lebih mudah menguasai pembelajaran dengan adanya penghasilan modul bersifat interaktif dengan kepelbagaiannya yang membolehkan mahasiswa berhubung dengan pensyarah dan rakan-rakan di luar kuliah pada bila-bila masa untuk berbincang-mahupun mendapat maklum balas berkaitan kursus dipelajari.

Kesimpulan

Bidang falsafah adalah satu cabang ilmu berkaitan aspek pemikiran dan kehidupan. Menerusi falsafah, mahasiswa akan mampu melakukan analisis, menentukan kebenaran, mencari penyelesaian terhadap sebarang permasalahan yang timbul serta menangkis serangan ideologi songsang ke arah mencapai matlamat kesejahteraan hidup. Kefahaman yang jelas terhadap kandungan kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) akan memberi natijah ke arah pemupukan semangat dan minat para mahasiswa untuk mengikuti kursus ini. Para pensyarah memainkan peranan yang besar dalam hal ini selain dari inisiatif mahasiswa itu sendiri untuk meluaskan jaringan pengetahuan. Justeru apa yang diharapkan adalah agar para mahasiswa dapat menghayati kepentingan mempelajari kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) bagi membolehkan mereka mengukuhkan kefahtaman terhadap aspek falsafah serta mempraktikkannya dalam kehidupan seharian.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2102).

Bibliografi

- Abdul Rahman Abdullah. (2005). *Wacana Falsafah Ilmu: Analisis Konsep-Konsep Asas dan Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Amran Muhammad. (2019). *Kursus Falsafah dan Isu Semasa: Ke Arah Pembaharuan Pemikiran Masyarakat Malaysia Dalam Menghadapi Cabaran Ideologi Semasa*. Islamic & Strategic Studies Institute (ISSI). Diakses pada 08 April 2021 daripada <https://www.facebook.com/ISSIMalaysia/posts/kursus-falsafah-dan-isu-semasa-ke-arah-pembaharuan-pemikiran-masyarakat-malaysia/3293420457399329/>
- Asma Lailee Mohd Noor & Nur Azuki Yusoff. (2020). Falsafah dalam Kehidupan. Dlm. *Modul Falsafah dan Isu Semasa*. Noor Hisham Md Nawi (Peny.). Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2012). Gagasan Pemikiran Falsafah dalam Pendidikan Islam: Hala Tuju dan Cabaran. *Journal of Islamic and Arabic Education* (42): 57-70.
- Basri Husin. (2018). *Perbahasan Epistemologi dalam Wacana Kalam Al-Asha'irah: Analisis Terhadap Pemikiran Al-Baqillani (M. 403h) dan Al-Baghdadi (M. 429h)*. Tesis Doktor Falsafah (tidak diterbitkan). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Burhan Che Daud. (2020). Dekolonisasi. Dlm. *Modul Falsafah dan Isu Semasa*. Noor Hisham Md Nawi (Peny.). Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Hazwani Mohd Najib, Noor Raudhiah Abu Bakar & Norziah Othman. (2017). E-Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Selangor. *Attarbauiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(1): 74-82.
- Latifah Abdul Latiff, Ros Aiza Mohd Mokhtar & Abd Hakim Mohad. (2020). Penerimaan Pelajar USIM Terhadap Kursus Falsafah dan Isu Semasa: Satu Analisis Deskriptif. E-

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2020). 3rd International Seminar on Islam and Science 2020 (SAIS 2020) Covid-19: Implication, Impact and Solution. 15 Okt. Nilai, Negeri Sembilan.

Luqman Arif Abdul Karim. (2019). Dua Kursus Wajib Baharu UA. *Berita Harian*, 25 September 2019. Diakses pada 08 April 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/611033/dua-kursus-wajib-baharu-ua>

Marwan Ismail. (2020). Ideologi Relativisme Pascamoden. Dlm. *Modul Falsafah dan Isu Semasa*. Noor Hisham Md Nawi (Peny.). Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Mohamad Azhari Abu Bakar, Siti Norazilah Mohd Said, Surena Sabil, Aina Razlin Mohammad Roose, Edris Aden, Ida Juliana Hutasuhut & Zulmahari Marawi. (2012). Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus TITAS: Kajian Tinjauan Persepsi Pelajar. *Conference Proceeding RECCNI 2012. Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration 2012 (RECCNI 2012)*. 19-21 Jun. Kuala Lumpur.

Mohd Kamil Ahmad & Nurul Iman Mohd Zain. (2020a). Logik dan Falsafah. Dlm. *Modul Falsafah dan Isu Semasa*. Noor Hisham Md Nawi (Peny.). Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Mohd Kamil Ahmad & Nurul Iman Mohd Zain. (2020b). Epistemologi. Dlm. *Modul Falsafah dan Isu Semasa*. Noor Hisham Md Nawi (Peny.). Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Nik Yusri Musa & Azman Bidin. (2020a). Psikologi dan Sosiologi (Konsep Insan I). Dlm. *Modul Falsafah dan Isu Semasa*. Noor Hisham Md Nawi (Peny.). Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Nik Yusri Musa & Azman Bidin. (2020b). Metafizik (Konsep Insan II). Dlm. *Modul Falsafah dan Isu Semasa*. Noor Hisham Md Nawi (Peny.). Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Noor Hisham Md Nawi. (2020). Prakata. Dlm. *Modul Falsafah dan Isu Semasa*. Noor Hisham Md Nawi (Peny.). Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Nor Aidawati Abdillah & Mazidah Musa. (2021). Kesediaan Pelajar Terhadap Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Norma Baru di Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (JTMK), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA). *Journal of Modern Education*, 3(8): 114-124.

Norhapizah Mohd Burhan, Ab. Halim Tamuri & Norazah Mohd Nordin. (2016). Penerimaan Modul Pembelajaran Digital Berasaskan Strategi Blended Learning (e-CITAC) Dalam Kursus TITAS. *The Online Journal of Islamic Education*, 4 (1): 1-16.

Nur Fadilah Abdul Basit, Maimun Aqsha Lubis, Harun Baharudin & Nurul Akhma Yahya. (2015). Pembelajaran Interaktif E-Learning Mencorakkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Proceeding The 7th International Workshop and Conference of Asean Studies on Islamic And Arabic Education And Civilization (POLTAN-UKM-POLIMED)*. The 7th International Workshop and Conference of Asean Studies on Islamic And Arabic Education and Civilization (POLTAN-UKM-POLIMED). 3 Jun. Bangi, Selangor.

Pengemaskinian Struktur Kursus MPU - Pelaksanaan Kursus Falsafah dan Isu Semasa & Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. (2019). Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Diakses pada 08 April 2021 daripada https://www.mqa.gov.my/pv4/bm/pubsnotificationletter_2019.cfm/

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**
- Saini Ag. Damit, Noorafini Kassim & Nor Ain Manap. (2016). Bahasa Arab dalam Ibadah: Satu Kajian Kefahaman Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS). *MANU*, 24: 67–89.
- Siti Hajar Taib, Mohd Azaharin Ismail & Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis. (2019). Inovasi Kesepadan dan Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Di Era Revolusi Industri 4.0. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 3(2) 38-54.
- Suhaila Sharil, Ahmad Faiz Ahmad Ubaidah, Muhammad Noor Hussin & Mukhammad Khafiz Abdul Basir. (2020). Kefahaman dan Penghayatan Pelajar Terhadap Kursus Hubungan Etnik. *Ideology Journal*, 5 (2): 139-148.
- Syed Lamsah Syed Cheara & Muhamad Yusoff Mohd Nor. (2020). Intervensi Pembelajaran di Portal e-Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram Berdasarkan Model Lima Fasa Needham. *Evaluation Studies in Social Sciences*, 9: 11-27.
- Zainora Daud, Hayati Hussin, Khairul Anuar Mohamad & Mohd Shamsul Hakim Abd Samad. (2018). Pengajian Qiraat di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM: Analisis Terhadap Tahap Kefahaman Qiraat. *Journal of Fatwa Management and Research, Special Edition*: 288-300.